

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/8/2013

Jual MAS bukan penyelesaian

Oleh ROHAMI SHAFIE

ISU syarikat penerbangan nasional, Malaysia Airlines System (MAS) kedengaran semula. Seperti biasa, apabila MAS mencatatkan kerugian, mulalah pihak-pihak tertentu mengeluarkan kenyataan untuk menjual MAS kepada pihak swasta.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata semalam, MAS tidak akan diswastakan.

"Malaysia Airlines tidak akan diswastakan kerana pelan pemulihan syarikat penerbangan terbabit menunjukkan jumlah kerugian yang semakin menguncup," kata Najib yang juga Menteri Kewangan.

Mas sering kali terjebak dengan pelbagai polemik. Sejak dari dahulu lagi, sebagai syarikat penerbangan utama negara, MAS tidak pernah terlepas dengan pelbagai kritikan. MAS juga acap kali mengalami nasib malang apabila dikambinghitamkan untuk agenda pihak-pihak tertentu.

MAS telah banyak berjasa kepada negara dan rakyat Malaysia. Tetapi jasa MAS seolah-olah tidak boleh mengatasi kepentingan untung-rugi yang menjadi 'kegilaan' dalam dunia perniagaan.

MAS pernah diswastakan. Selepas mengalami masalah, kerajaan telah membelinya semula. Kali ini apabila MAS mengalami masalah dalam bentuk kewangan dengan mencatatkan kerugian, sekali lagi MAS menjadi mangsa untuk dijual.

Senang sungguh dalam dunia perniagaan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), rugi sa-

haja terus mahu dijual. Apalah gunanya kita mempunyai pakar-pakar yang hebat yang berkelulusan berjela-jela dari luar negara jika lebih senang menjual GLC berbanding untuk menstrukturkan semula agar mencatatkan keuntungan.

Adakah kita sudah berusaha bersungguh-sungguh agar MAS berada di landasan yang betul untuk mencatatkan keuntungan atau kita hanya sekadar melepaskan batuk di tangga, maka apabila MAS rugi terus kita hanya memikirkan jalan terakhir untuk menjualnya?

Itu belum tentu lagi MAS akan mencatatkan keuntungan apabila diswastakan. Banyak episod penswastaaan yang tidak menguntungkan rakyat dan negara. Maka, apabila tidak memberi keuntungan kepada rakyat, lahirilah istilah 'menswastakan keuntungan' dan 'mensosialkan kerugian'.

Dengan perkataan lain, apabila diswastakan, hanya segelintir golongan sahaja yang memperoleh laba, manakala apabila penswastaaan tersebut menemui jalan buntu, kerugian tersebut dikongsi bersama oleh rakyat apabila syarikat berkenaan dibeli semula oleh kerajaan.

Cara berniaga sebeginilah yang banyak merugikan rakyat. Maka, yang kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin. Penulis tidak perlu menyatakan angka-angka untuk membuktikannya kerana melihat sekeliling kita pun sudah terbukti yang kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin.

Bertindaklah dengan bijaksana demi rakyat. Sebagai analoginya, apabila seseorang itu berpenyakit, adakah kita perlu memo-

UM - 20/8/2013



tong bahagian yang dia sakit? Buang terus anggota tersebut?

Ya, jika sekiranya ia benar-benar memudaratkan seseorang sehingga boleh meragut nyawanya. Tetapi, itu adalah pilihan terakhir. Sebolehnya anggota badan tersebut akan cuba diselamatkan.

Dalam kes MAS, apakah punca MAS mengalami kerugian? Adakah kos operasi MAS terlalu tinggi? Jika tinggi cubalah tangannya. Mustahil tiada jalan penyelesaian. Ini kerana syarikat penerbangan lain mampu mencatatkan keuntungan berlipat kali ganda.

Penulis tidak nampak ada beza di antara Mas dengan syarikat penerbangan lain. Setiap syarikat ada pakarnya.

Gunakan kepakaran tersebut. Tidak mustahil MAS boleh mencatatkan keuntungan seperti mana Maybank dan Petronas. Meskipun setiap syarikat mempunyai risiko yang berbeza, namun, setiap risiko tersebut ada peluangnya.

Sejak akhir-akhir ini, berlandaskan konsep liberalisasi, banyak GLC dijual kepada individu. Apabila dijual, yang untung adalah individu sahaja. Mereka yang membelinya pula sudah tentu tergolong sebagai orang kaya-raya.

Maka, rakyat pula hanya menggunakan perkhidmatan syarikat berkenaan dan berkemungkinan besar harga perkhidmatan

dan produk tersebut akan meningkat berbanding sebelum dijual.

Rasionalnya, individu yang membeli GLC berkenaan hanya mahu memperoleh keuntungan yang berlipat kali ganda. Berapa ramaikah yang benar-benar berniaga untuk kepentingan masyarakat sebagaimana yang diajar oleh agama Islam?

Bukti yang amat jelas kelihatan adalah harga barangan dan perkhidmatan saban hari meningkat sampaikan kos sara hidup pada masa kini cukup tinggi.

Selain menjual GLC, satu lagi cara berniaga mudah adalah dengan memikirkan keuntungan jangka masa pendek. Sebagai contoh, entiti perniagaan kerajaan yang pada asalnya dipertanggungjawabkan untuk menjalankan perniagaan telah memilih syarikat swasta untuk menjalankan perniagaan mereka.

Syarikat swasta ini dipilih sebagai sub-kontraktor. Entiti perniagaan kerajaan pula hanya mahu untung atas angin tanpa mengeluarkan peluh apabila mengenakan caj ke atas subkontraktor tersebut.

Sub-kontraktor yang dilantik juga mahu kan keuntungan, maka di sini terdapat dua lapisan keuntungan yang akhirnya, rakyat atau pengguna akhir yang terpaksa menanggung kos.

Cuba bayangkan jika terdapat banyak lapisan dan bukan setakat di antara entiti perniagaan yang ditubuhkan oleh kerajaan dan satu sub-kontraktor sahaja. Maka, bertambahlah kos yang terpaksa ditanggung oleh pengguna.

Semua lapisan ingin mencatatkan ke-

untungan kecuali pengguna akhir yang menanggung kerugian. Kitaran perniagaan sebeginilah yang banyak memberi kesan terhadap kos sara hidup rakyat.

Maka, tiada gunanya melaung-laungkan tanggungjawab sosial korporat (CSR), walaupun sebelum itu sudah mengaut keuntungan berlipat kali ganda ke atas pengguna. CSR yang diamalkan bukanlah prinsip sebenar dalam perniagaan yang berlandaskan agama Islam.

Ia sepatutnya bermula dari awal lagi dengan mementingkan masyarakat dan bukannya selepas mencatatkan keuntungan berlipat kali ganda, barulah peratusan kecil diberikan semula kepada pengguna.

Islam mengajar cara berniaga yang betul tanpa menindas pengguna.

Malangnya, kita lebih percayakan acuan barat yang sampai sekarang masih memegang prinsip 'memberi kekayaan semaksimum mungkin kepada pemegang saham' sahaja berbanding keutamaan dalam Islam lebih mementingkan masyarakat berbanding lain.

Apabila kita terlalu percayakan amalan perniagaan Barat, natijahnya masyarakat keseluruhan diabaikan. Dalam kes MAS, adakah kita terlalu taksu dengan amalan perniagaan Barat dengan menswastakan keuntungan dan mensosialkan kerugian? Teput dada tanya selera.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia